

Jambatan Sungai Baung dibaik p

» Kemudahan bagi pelajar SMK Pengkalan Chepa, SK Tanjung Mas terputus dua

Oleh Betty Subaryati
bhkb@mediaprima.com.my

► Kota Bharu

Kira-kira 2,000 penduduk tiga kampung dalam Dewan Undangan Negeri (DUN) Chempaka di sini, lega apabila Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Kelantan memulakan projek membaik pulih Jambatan Sungai Baung yang terputus dua sejak Mac lalu.

Segera baik pulih

Mereka berharap projek membaik pulih jambatan di Alor C Kampung Baung itu yang menghubungkan penduduk Kampung Jambu, Kampung Chekok dan Kampung Rambutan Rendang ke Jalan Pengkalan Chepa disegerakan bagi kemudahan semua. Laluan itu kerap digunakan

ibu bapa yang menghantar anak ke Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Pengkalan Chepa dan Sekolah Kebangsaan (SK) Tanjung Mas. Yaacob Daud, 73, dari Kampung Jambu di sini, berkata penduduk menggunakan jambatan itu untuk berulang alik ke Jalan Pengkalan Chepa kerana jaraknya lebih dekat berbanding laluan Jalan Panji dan Jalan Kampung Chempaka.

"Saya menggunakan jambatan besi ini untuk ke Jalan Pengkalan

“

JPS menerima beberapa aduan berhubung tindakan lori membawa lebih muatan menggunakan jambatan ini sehingga mengalami kerosakan”

Tengku Zamri Zainal Abidin,
Jurutera jajahan JPS Kota Bharu

Chepa menghantar cucu sekolah di SMK Tanjung Mas dan ke Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra dengan mengambil masa kira-kira 10 minit.

Lori tak dibenarkan

“Bagaimanapun, kekurangan papan tanda sebagai pemberitahuan jambatan ini hanya untuk kenderaan ringan menyebabkan banyak lori muatan berat melaluinya.

“Ia membuatkan jambatan



Yaacob (kanan) dan Ropi Mohamad meninjau keadaan jambatan Sungai Baung yang akan dibaik pulih oleh JPS Kelantan.

[FOTO NIK ABDULLAH NIK OMAR / BH]